

29 OCT 2000

Abdullah-Ezam

PAK LAH SAHKAN POLIS AKAN SIASAT EZAM

PULAU PINANG, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengesahkan bahawa polis akan menyiasat pengakuan awal Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Mohd Ezam Mohd Noor yang mengaku memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri berkata, siasatan akan terus dijalankan walaupun Mohd Ezam kini mengaku tidak tahu menahu pelantikan sebuah firma pelobi di Washington untuk mengenakan tekanan ekonomi terhadap Malaysia.

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan Bangunan MAA di sini, beliau berkata, Ketua Polis Negara Tan Sri Noriam Mai telah menyatakan bahawa siasatan akan dijalankan jika ada aduan mengenai perbuatan Mohd Ezam itu.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata polis kini telah menerima dua aduan mengenai pengakuan Mohd Ezam memburukkan Perdana Menteri itu.

"Kita serahkan kepada polis untuk membuat penyiasatan mengenai dakwaan Mohd Ezam...kalau ada sebab, (Mohd Ezam) akan didakwa," katanya.

Abdullah berkata, Mohd Ezam boleh kata apa dia hendak kata, tetapi siasatan akan berasaskan daripada apa yang dicakapkannya di Alor Setar baru-baru ini.

"Soal dia hendak menafikan (pengetahuan mengenai pelantikan sebuah firma pelobi di Washington), itu dia punya pasallah," katanya.

Menurutnya, apa yang hendak disiasat oleh polis ialah berasaskan apa yang dicakapkannya di Alor Setar baru-baru ini.

Mengulas mengenai ketiadaan pengumuman pemberian bonus kepada kakitangan kerajaan, beliau berkata, pemberian bonus tidak boleh dibuat sesuka hati.

Pemberian bonus hanya dibuat apabila kedudukan ekonomi negara baik, katanya sambil menjelaskan itu sebagai falsafah pemberian bonus.

-- BERNAMA

AHM ZB